

*panduan dan  
rujukan.*

## **TEORI KEIBUBAAPAN : Konsep Keibubapaan dan Teori Asuhan Ibu Bapa.**

### **3.1.1 Konsep Keibubapaan.**

Ibu bapa merupakan guru pertama dan paling lama bagi anak-anak mereka. Dalam proses perkembangan yang biasa, ibu bapalah yang banyak menyokong perkembangan bahasa, sosial dan akademik anak-anak mereka. Terdapat bukti positif dalam tempoh 30 tahun yang lepas yang menunjukkan bahawa mengajar kemahiran spesifik kepada ibu bapa dapat membantu dalam perkembangan anak-anak di bawah jagaan mereka. Ibu bapa merupakan unit asas dalam keluarga dan peranannya sangat penting dalam pembentukan keluarga yang bahagia. Ini memerlukan pengurusan keluarga yang dinamik, proaktif dan menepati masa yang kian berubah. Peranan ibu bapa sangat penting dan perlu dilihat secara makro dan semua ini terlibat secara komited. Selain daripada faktor keluarga, faktor persekitaran juga perlu diambil kira. Dalam usaha mendirikan sebuah keluarga yang bahagia dan berkesan, konsep 'melentur buluh biar dari rebungunya' perlu diberi penekanan. Ibu bapa merupakan satu unit dan perlu menjalankan pengurusan yang proaktif dari aspek sains dan kemanusiaan.

Keibubapaan merupakan kerja yang paling sukar sekali, tetapi kebanyakan ibu bapa menerima sedikit atau tidak mendapat latihan formal langsung dalam kemahiran keibubapaan. Namun demikian ibu bapa sering kali dikritik bagi setiap kesilapan yang mereka lakukan. Ahli psikologi telah mengkaji amalan keibubapaan yang berkesan dan telah mencadangkan latihan dalam kemahiran keibubapaan untuk para ibu bapa. Banyak keluarga hendak melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka. Ahli profesional pendidikan awal kanak-kanak mengakui nilai dan kepentingan mewujudkan kerjasama berkesan dan bermakna dengan ibu bapa dan keluarga.

Penglibatan keluarga dapat dilihat dari pelbagai segi bergantung kepada konteks. Epstein mencadangkan enam jenis penglibatan ibu bapa. Teori Epstein menghuraikan kerjasama yang perlu wujud di antara pihak sekolah, keluarga dan masyarakat. Jenis penglibatan tersebut bukan berbentuk hieraki tetapi ia merupakan suatu kerangka untuk menghubungkan keluarga, ahli masyarakat dan ahli profesional pendidikan awal kanak-kanak. Enam jenis penglibatan ibu bapa mengikut Epstein ialah:

- Jenis 1: Keibubapaan- membantu keluarga menguasai kemahiran keibubapaan dan memahami perkembangan kanak-kanak.
- Jenis 2 : Komunikasi- mengamalkan pelbagai cara komunikasi yang berkesan di antara sekolah dan keluarga.
- Jenis 3 : Kesukarelawan- menggalakkan keluarga berkhidmat secara sukarela dengan pelbagai cara.
- Jenis 4 : Pembelajaran di rumah- melibatkan keluarga menyokong aktiviti pembelajaran di rumah.
- Jenis 5 : Membuat keputusan- melibatkan keluarga dalam pengurusan prasekolah dan organisasi berkaitan.
- Jenis 6 : Kolaborasi dengan masyarakat- menyelaras perkhidmatan masyarakat untuk kebaikan bersama.

Proses keibubapaan perlu dilihat dari sudut mikro dan makro. Kemahiran keibubapaan adalah asas kepada kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara. Keibubapaan tidak terhad kepada ibu bapa tetapi juga berhubungkait dengan kematangan dan kesediaan institusi-institusi lain untuk bekerjasama.

### **3.1.2 Prinsip-prinsip Keibubapaan.**

Keibubapan boleh memberikan kebahagiaan kepada ibu bapa serta mencabar kerana ibu bapa perlu menemui cara yang berkesan untuk berkomunikasi dan mendidik anak-anak mereka. Terdapat beberapa prinsip keibubapaan yang boleh digunakan untuk membantu ibu bapa dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Amalan prinsip-prinsip ini akan mendatangkan kesan positif terhadap kanak-kanak.

- **Mengurus diri dengan baik (*Take care of yourself*)**

Mengurus diri dengan baik haruslah menjadi perkara utama dalam diri ibu bapa. Sekiranya ibu bapa mengabaikan diri maka kebolehan mereka mengaplikasikan prinsip-prinsip yang seterusnya akan terbatas. Ibu bapa yang mengamalkan prinsip ini akan berusaha menguruskan tekanan dalam kehidupan mereka. Mereka memiliki identiti tersendiri dan menggunakan kebolehan untuk diri dan keluarga. Mereka akan berusaha mendapatkan ahli keluarga dan kawan yang boleh memberikan sokongan emosi dan praktikal. Mereka akan berusaha mengamalkan ciri-ciri dan aktiviti tersebut dalam kehidupan supaya anak-anak mereka akan meniru dan mengamalkannya apabila dewasa nanti.

- **Kasihi anak-anak (*Nurture your children*)**

Jika kanak-kanak tidak merasa dihargai dan disayangi maka semua usaha ibu bapa tidak akan memberikan pengaruh yang kuat ke atas mereka. Kanak-kanak perlu merasa mereka disayangi dan dikasihi oleh ibu bapa mereka.

- **Membela anak anda (*Be your child's advocate*)**

Bronfenbrenner mencadangkan bahawa ibu bapa hendaklah menunjukkan rasa kasih sayang yang amat kuat terhadap anak mereka. Ibu bapa harus menunjukkan mereka merasa anak mereka lebih baik daripada kanak-kanak yang lain.

- **Bimbing anak-anak (*Guide your children*)**

Kanak-kanak perlu diberikan satu set nilai, panduan dan standard untuk membantu mereka menguruskan kehidupannya. Bimbingan adalah lebih baik daripada hukuman. Seorang ibu atau bapa yang membimbing anaknya mengajar anaknya bahawa kesan positif atau negatif akan menyusuli sesuatu tingkah laku. Bimbingan membantu kanak-kanak mendapatkan sesuatu dengan cara yang dipersetujui oleh ibu bapa mereka. Ibu bapa yang membimbing akan mengajar melalui teladan, menetapkan had yang berpatutan serta melibatkan kanak-kanak dalam menetapkan had bersesuaian dengan umur mereka.

- **Memotivasikan anak anda (*Motivate your child*)**

Ibu bapa adalah guru pertama kepada anaknya. Ibu bapa hendaklah menggalakkan anak mereka mempelajari dengan mewujudkan suasana pembelajaran kondusif di rumah. Sediakan buku dan pelbagai bahan rujukan di rumah. Ibu bapa harus membaca supaya menggalakkan anak-anak mereka membaca.

- **Jangan membincangkan masalah tingkahlaku di hadapan kanak-kanak.**

Apa-apa perkara yang ibu bapa bincangkan di depan anak-anak, ia mungkin mempengaruhi persepsi anak terhadap dirinya. Sesuatu perkara negatif yang didengari mungkin dianggap benar. Sebaliknya perkara positif yang didengari mereka boleh memberikan keyakinan dan menggalakkan tingkah laku positif.

- **Melindungi kanak-kanak secara keterlaluan.**

Walaupun kanak-kanak perlu dilindungi, namun perlindungan yang melampau akan menggalakkan tingkah laku pergantungan dan kanak-kanak yang terlalu sensitif. Ibu bapa boleh menunjukkan bahawa mereka baik hati tanpa terlalu bersimpati. Kanak-kanak perlu mempelajari menangani perasaan kekecewaan, kegagalan dan kehilangan dalam kehidupan mereka. Kanak-kanak yang mempunyai sikap berdikari akan akhirnya dapat mengatasi pelbagai halangan dalam kehidupan mereka kelak.

- **Menghargai guru, pendidikan dan pembelajaran.**

Pendidikan dan guru harus dititikberatkan. Kanak-kanak akan memahami mengenainya dengan jelas jika bapa, datuk dan nenek, misalnya menghargai pembelajaran. Ceritalah mengenai guru yang dihormati dan tunjukkan penghargaan terhadap guru anak mereka. Ibu bapa harus memberitahu anak bahawa mereka mengharapkan anak mereka mencapai pendidikan sehingga peringkat tinggi. Ini adalah untuk mengelakkan anak-anak mengabaikan pendidikan terabai dan tercicir daripada persekolahn terlalu awal.

- **Bersikap positif terhadap kerjaya.**

Ibu bapa yang merungut tentang kerjaya akan menggalakkan anak mereka mempunyai sikap negatif terhadap kerja. Anak-anak akan merungut terhadap kerja rumah dan tanggungjawab yang diberikan di rumah. Ibu bapa yang tidak menyukai kerjaya harus berikhtiar menukar kerjaya mereka supaya anak-anak mereka akan menyedari bahawa pendidikan membuka peluang yang luas kepada mereka yang berpendidikan tinggi.

- **Menjadi teladan kepada anak.**

Kanak-kanak selalu memerhati tingkah laku ibu bapa dan ahli-ahli keluarga yang lain. Orang dewasa yang bersikap tidak amanah dan tidak beretika akan dicontohi oleh kanak-kanak. Kanak-kanak akan tertarik dan ingin meniru ibu bapa yang beretika, bersemangat dan mempunyai sikap ingin tahu.

- **Mempelajari bersama dengan anak-anak.**

Ramai ibu bapa menyesal kerana mereka terlepas daripada peluang mempelajari bersama-sama dengan anak-anak mereka. Jadikan pengalaman lawatan, perkhemahan dan aktiviti lain suatu pengalaman untuk belajar bersama-sama dengan anak-anak.

### **3.1.3 Matlamat dan Objektif.**

Kajian menunjukkan semua kanak-kanak dilahirkan dengan pelbagai potensi yang akan berkembang jika digalakkan dengan betul. Perkembangan otak, misalnya banyak bergantung kepada pengaruh persekitaran dalam perkembangan awal kanak-kanak. Sekiranya faktor-faktor tersebut tidak disediakan pada masa-masa tertentu maka perkembangan kanak-kanak mungkin tidak berlaku.

Kajian juga menunjukkan bahawa pendapatan dan status sosial kurang mempengaruhi prestasi pencapaian murid dalam sekolah berbanding dengan tindakan keluarga murid dari segi:

- Mewujudkan suasana rumah yang menggalakkan pembelajaran.
- Menetapkan jangkaan yang tinggi tetapi realistik terhadap pencapaian dan masa depan anak.
- Terlibat dalam pendidikan anak dalam sekolah dan masyarakat.

### **Matlamat Keibubapaan.**

Kajian menunjukkan terdapat beberapa kemahiran yang ibu bapa perlu miliki supaya mereka dapat membentuk tingkah laku anak-anak dengan berkesan. Antara kemahiran keibubapaan adalah seperti berikut:

- Membentuk dan menjelaskan jangkaan.
- Mengawal perasaan apabila anak menunjukkan tingkah laku yang tidak diingini.
- Melaksanakan sesuatu tindakan positif atau negatif.
- Menjadi teladan yang positif.
- Membentuk tingkah laku.
- Memotivasikan anak bertingkah laku positif.

Keibubapaan ialah satu proses yang kompleks dan ibu bapa memerlukan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan supaya dapat mendidik anak dengan sebaik mungkin dalam aspek-aspek berikut:

- **Perkembangan Kanak-kanak.**

Memahami perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak berkembang serta keperluan-keperluan mereka pada setiap perkembangan kehidupan.

- **Mengenali Diri Sendiri.**

Memahami diri dari segi dorongan, nilai dan bagaimana cara mereka dapat menangani kenakalan anak, pertelingkahan dan sebagainya.

- **Kemahiran & Strategi Keibubapaan.**

Memahami kemahiran dan strategi keibubapaan spesifik untuk memenuhi keperluan kanak-kanak dan menangani tingkah laku anak sepanjang proses keibubapaan.

- **Cara berkomunikasi.**

Memahami cara berkomunikasi dengan anak, pasangan suami isteri dan guru secara berkesan.

- **Cara Mengajar.**

Mempelajari cara bagaimana mengajar sesuatu konsep dan kemahiran kepada anak.

- **Mengurus Keluarga.**

Memahami cara menyara keperluan keluarga dan menguruskan sebuah keluarga.

- **Mendapatkan Bantuan.**

Menyedari pentingnya mendapat bantuan daripada orang lain serta cara mendapatkan bantuan tersebut apabila memerlukannya.

### 3.2 Teori Asuhan Ibu Bapa.

Baca

Terdapat 3 jenis teori yang berkaitan dengan konsep keibubapaan yang boleh mempengaruhi perkembangan anak. Antara teori tersebut adalah teori gaya asuhan Baumrind, teori Modal Insan dan teori Modal Sosial.

- **Teori Gaya Asuhan Baumrind**


Salah satu aspek penting yang meninggalkan kesan mendalam ke atas pembangunan kanak-kanak ialah gaya keibubapaan ibu dan bapa. Baumrind telah mencipta teori ini berdasarkan kajiannya terhadap hubungan kekeluargaan yang berteraskan konsep gaya asuhan. Ia merupakan satu konsep penting dalam mendidik anak-anak kerana gaya keibubapaan ini akan mempengaruhi perkembangan anak-anak. Ia juga sebagai panduan kepada ibu bapa dalam menentukan gaya asuhan yang sesuai dengan sifat dan keperluan anak-anak.

Terdapat dua dimensi untuk gaya asuhan keibubapaan ini iaitu desakan (*demandingness*) dan responsive (*responsiveness*). Desakan akan berperanan sebagai agen sosialisasi manakala reponsif adalah sebagai mencerminkan pengakuan ibu bapa terhadap kebebasan tingkahlaku anak.

Berdasarkan dua dimensi ini, Baumrind (1991) mewujudkan pula jenis gaya keibubapaan iaitu *Autoritative* dan *Autoritarian* yang mana beliau menyatakan gaya *autoritative* merupakan ibu bapa yang mengamalkan desakan dan *responsive* yang tinggi. Manakala Jenis *Autoritarian* adalah memperlihatkan ibu bapa yang cenderung kepada desakan yang tinggi tetapi *responsive* mereka pada tahap yang rendah.

Marccoby dan Martin (1983) menambah dua lagi jenis gaya asuhan iaitu jenis *Permissive: Permissive Indulgent* dan *Permissive Neglect*. *Permissive Indulgent* mencerminkan tahap desakan yang rendah tetapi mempunyai tahap *responsive* yang tinggi manakala *Permissive Neglect* tahap *responsive* dan desakan yang rendah.





Rajah 1: Model Gaya Keibubapaan Baumrind

## Jenis Gaya Keibubapaan.

3 gaya

### a. *Autoritative*

Setiap jenis gaya ini mempunyai amalan keibubapaan yang berbeza. Mengikut Baumrind (1991), ibu bapa yang *autoritative* boleh didefinisikan sebagai ibu bapa yang mempraktikkan cara desakan yang matang dengan cuba merapatkan anak dalam kehidupan keluarga secara keseluruhan atau boleh dikatakan gaya ini mengamalkan konsep demokrasi. Ini ditunjukkan melalui pengawasan, usaha untuk mendisiplinkan dan kesanggupan untuk berdepan dengan anak yang membangkang. Ibu bapa cuba menyesuaikan diri, member sokongan dan memenuhi kehendak dan desakan anak mereka.

Baumrind menyatakan ibu bapa yang bergaya *authoritative* ini mengarahkan aktiviti anak secara rasional, berorientasikan tingkahlaku dan menggalakkan anak member dan menerima (Baumrind, 1968). Sebagai contoh, ibu bapa mungkin menetapkan peraturan tetapi peraturan ini boleh dipinda berdasarkan pandangan dan keadaan anak serta bergantung kepada penjelasan peraturan yang ditetapkan oleh mereka (Baumrind, 1970). Anak juga digalakkan berdikari, melibatkan diri dalam membuat keputusan bersama keluarga, mencadangkan cara dan penjelasan kepada masalah disiplin, berfikir sendiri serta menghormati kewibawaan ibu bapanya (Baumrind, 1996). Kesimpulannya ibu bapa menyediakan persekitaran rumah dimana anak rasa dihargai, dibenarkan membuat keputusan sendiri serta tidak terkongkong dengan peraturan yang mencengkam hidup mereka.

### b. *Autoritarian*

Baumrind (1968) menyatakan ibu bapa yang cenderung kepada gaya ini sering cuba membentuk, mengawal dan menilai tingkahlaku dan sikap anak berdasarkan set perlakuan dimana mereka memandang tinggi kepada kepatuhan dan mengenakan cara paksaan sekiranya pandangan atau tingkahlaku anak bertentangan dengan apa yang mereka anggap baik. Ibu bapa dalam kategori ini dikaitkan mereka yang tegas dalam menentukan peraturan ke atas anak tanpa member ruang untuk berbincang. Mereka juga menekankan konsep disiplin yang kasar dan tidak menampakan sokongan terhadap anak. Maka anak mereka akan mengalami perasaan tidak puas hati, rendah diri, cemas, berkelakuan murung dan mempunyai kemahiran sosial yang rendah.

- **Teori Modal Insan dan Modal Sosial**

Dua aspek penting yang terkandung dalam persekitaran rumah dan keluarga dimana ia sangat mempengaruhi pembangunan anak ialah tahap sosioekonomi ibu bapa. Dalam memperkatakan tentang pengaruh sosioekonomi yang mempengaruhi pembangunan kanak-kanak, Coleman (1993) mengemukakan sosioekonomi ibu bapa kepada dua dimensi iaitu Modal Insan dan Modal Sosial dimana beliau berpendapat kanak-kanak memerlukan modal ini untuk mengoptimumkan pertumbuhan mereka.

- a. **Modal Insan (Tahap pendidikan ibu bapa)**

Tahap pendidikan ibu bapa boleh melengkapkan mereka dengan kebolehan untuk menyediakan persekitaran rumah yang menyokong kepada pembelajaran anak. Ibu bapa yang berpendidikan mampu membantu anak mereka dalam menyiapkan kerja sekolah dan membantu memperkembangkan kecekapan bahasa berbanding ibu bapa yang kurang berpendidikan. Ibu bapa juga boleh menetapkan aspirasi serta meletakkan jangkaan pendidikan yang tinggi untuk anak mereka dan ini memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian intelektual seseorang anak. Sebagai contoh, perbincangan berkenaan dengan kerja sekolah hanya mampu dilakukan oleh ibu bapa yang berpendidikan tinggi terutama yang mempunyai anak yang bersekolah di peringkat menengah, maka pada tahap ini hanya ibu bapa yang berpendidikan tinggi sahaja yang mampu membantu anak-anak mereka (Desimone, 1999).

Ibu bapa yang berpendidikan juga mampu menjadi aspirasi kepada anak dan dapat merancang masa bersama. Memandangkan mereka juga berkemampuan dari segi kewangan maka mereka boleh mengagihkan pendapatan mereka untuk masa depan pendidikan anak mereka. Jadi, boleh dikatakan tahap pendidikan ibu bapa yang tinggi menjadi penyumbang kepada perkembangan pembelajaran anak mereka.

## **b. Modal Sosial (Struktur Keluarga)**

Coleman (1988) mendefinisikan modal sosial sebagai struktur sebuah keluarga iaitu kekuatan perhubungan yang wujud antara ibu bapa dan anak. Sekiranya anak ingin mendapat peluang bemesra dengan ibu bapa mereka maka kedua-duanya perlu berada di rumah dan meluangkan masa bersama. Dalam persekitaran demikian, maka akan wujudlah masa yang mencukupi dan hubungan yang berkualiti di antara mereka. Ketiadaan ibu bapa akan menyebabkan keruntuhan dalam struktur keluarga tersebut dan kerenggangan ini akan menyebabkan perkembangan anak terjejas.

Struktur keluarga ini menyediakan satu jalinan antara sifat kanak-kanak dengan konteks sosial disekelilingnya seperti ahli keluarga, sekolah dan jiran tetangga. Struktur ini juga mempunyai pengaruh ke atas pendidikan anak mereka dimana remaja yang tinggal bersama ibu bapa adalah lebih beruntung berbanding yang tinggal dengan ibu atau bapa tunggal. Ini kerana, ibu bapa yang tinggal bersama dapat mengawal tingkahlaku anak serta melibatkan diri disekolah berbanding sebaliknya.

Kesimpulannya boleh dikatakan kewujudan kedua ibu bapa menyumbang kepada lebih masa bersama serta meninggalkan kesan yang positif ke atas pembelajaran anak. Perkembangan anak secara sihat dapat dilihat jika aspek psikologi dan sosiologi dipenuhi oleh ibu bapanya. Melalui perhubungan sedemikian sahaja maka nilai-nilai serta kepercayaan yang sihat boleh ditanam dalam diri anak tersebut.